

Anwar terima Ijazah Doktor Kehormat

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam menerima anugerah Ijazah Doktor Kehormat dalam bidang undang-undang daripada Universiti Shenandoah, Amerika Syarikat (AS).

Anugerah itu disampaikan Presiden Universiti Shenandoah, Dr-Tracy Fitzsimmons pada majlis di Pusat Aktiviti Kebudayaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kampus Gombak, di sini.

Penganugerahan kedoktoran itu kepada Anwar adalah sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan Perdana Menteri dalam kepimpinan dan pembangunan masyarakat.

Yang hadir sama pada majlis itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Anwar ketika menyampaikan ucapan penghargaan, berkata beliau menerima ijazah kedoktoran itu secara terbuka dan berkata penganugerahan terbabit bukan kerana jawatannya sebagai Perdana Menteri.

“Universiti Shenandoah telah ditubuhkan lama sebelum saya menjadi Perdana Menteri, anugerah ini tidak diberikan kepada



Anwar menerima anugerah Ijazah Doktor Kehormat dalam bidang undang-undang daripada Dr Tracy Fitzsimmons (kiri) di UIAM, Gombak, semalam.
(Foto BERNAMA)

saya kerana kebetulan saya seorang Perdana Menteri tetapi ia untuk kerja yang kita lakukan bersama bertahun-tahun, selama beberapa dekad, bekerja ke arah mempromosikan kebebasan dan maruah manusia,” katanya.

Selesai majlis berkenaan, Per-

dana Menteri kemudian menghadiri Program ‘Meet Anwar@IIUM: A Special Homecoming’ yang juga platform dialog terbuka antara Perdana Menteri dan warga kampus, khususnya penuntut universiti.

BERNAMA